

Pemeriksaan Qard Al-Hasan Sebagai Produk CSR Dalam Membangunkan Masyarakat Islam Di Alam Melayu

Norajila Che Man

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Melaka
norajila@melaka.uitm.edu.my

Nor Azlina Abd Wahab

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Melaka
azlina406@melaka.uitm.edu.my

Norafifah Ab Hamid

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Melaka
norafifah@melaka.uitm.edu.my

ABSTRAK

Islam merupakan agama syumul yang turut memberi perhatian terhadap permasalahan ekonomi ummah khususnya berkaitan kemiskinan dan kekurangan sumber pendapatan. Permasalahan ini dilihat boleh diatasi dengan pelbagai mekanisme seperti zakat, sedekah wakaf dan kaedah bantuan pinjaman (Qard al-Hasan). Qard al-Hasan merupakan mekanisme penting dalam membantu membangunkan masyarakat Islam yang kurang berkemampuan. Dalam konteks Malaysia kaedah Qard al-Hasan turut diperkenalkan dalam sistem kewangan Islam melalui beberapa produk dan skim seperti pajak gadai dan sukuk. Manakala tanggungjawab sosial korporat (CSR) pula berkaitan dengan amalan pengurusan organisasi yang baik (*good governance*) yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi. CSR boleh diklasifikasikan sebagai salah satu instrumen dalam filantropi Islam. Konsep CSR menekankan prinsip "*doing well by doing good*" dalam pelaksanaannya. Dalam ekonomi Islam, Qard al-Hasan merupakan salah satu mekanisme penting dalam memelihara keadilan sosial dan kesejahteraan ekonomi. Sekiranya institusi perbankan Islam menyediakan produk-produk CSR berasaskan Qard al-Hasan ini, putaran ganas kemiskinan dapat dihapuskan sekaligus menggalakkan keadilan sosial dalam masyarakat. Bagi memenuhi matlamat ini, pelaksanaan Qard al-Hasan sebagai produk CSR perlu diperkemas dan dinilai semula supaya para *stakeholders* bagi institusi perbankan Islam akan mendapat manfaatnya secara menyeluruh khususnya masyarakat Islam di Alam Melayu ini. Oleh itu, penulisan ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai Qard al-Hasan serta mengetengahkan konsep ini dalam pelaksanaan CSR oleh institusi perbankan Islam.

Kata Kunci: Qard al-Hasan, CSR, Perbankan Islam, Masyarakat Melayu

PENGENALAN

Sistem ekonomi Islam adalah sistem yang sempurna bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Ekonomi Islam yang berteraskan akidah, syariah, akhlak dan ilmu adalah bertujuan untuk menjamin kesejahteraan sosial. Disebabkan itu segala perkhidmatan dan produk yang ditawarkan haruslah menepati prinsip ekonomi Islam itu sendiri yang menekankan aspek pemilikan, kebebasan, keadilan dan kesejahteraan individu dan masyarakat. Salah satu cara bagi memenuhi matlamat tersebut adalah melalui pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Tanggungjawab sosial korporat (CSR) merupakan satu amalan pengurusan

organisasi yang baik (*good governance*) yang dilaksanakan oleh sesebuah institusi korporat. CSR juga boleh diklasifikasikan sebagai salah satu instrumen dalam filantropi Islam. Filantropi ialah satu konsep yang digunakan secara meluas untuk menggambarkan pemberian wang sama ada dari seseorang individu, yayasan-yayasan, syarikat-syarikat, dan juga organisasi bukan berasaskan keuntungan. Ia merangkumi konsep memberi secara sukarela untuk kebaikan bersama di samping menyedia dan meningkatkan kualiti hidup. Konsep ini berkait rapat dengan elemen kebaikan, kasih sayang, belas kasihan, kemurahan hati, cinta kepada manusia dan lain-lain. CSR sangat penting memandangkan perkembangan serta kemajuan sesebuah institusi korporat banyak bergantung kepada faktor-faktor lain selain keuntungan perniagaan semata-mata. Sokongan pelbagai kumpulan masyarakat seperti pengguna, pekerja, pemilik modal, kumpulan bukan pengguna serta masyarakat umum banyak membantu dalam meningkatkan prestasi dan kemajuan sesebuah institusi korporat. Oleh yang demikian, penglibatan sektor perniagaan dalam memenuhi kehendak sosial berupaya menjadi penyelamat dan penyelesaian masalah dalam masyarakat. Tanggungjawab sosial yang dilakukan ini dapat memastikan kebajikan masyarakat terjamin di samping membantu memenuhi matlamat keadilan sosial dan kesejahteraan ekonomi masyarakat. CSR merupakan satu medium terbaik untuk organisasi korporat melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dan alam sekitar. Sehubungan dengan itu, konsep dan pelaksanaan CSR ini perlu diperkemas dan dimantapkan bagi memastikan ianya dapat memberikan keputusan dan kesan yang diinginkan sesuai dengan matlamat pelaksanaannya.

Di Malaysia sistem ekonomi Islam dan prinsip muamalat turut dipraktikkan dalam sistem kewangan dan perbankan. Sistem kewangan dan perbankan Islam di Malaysia kini dilihat telah melalui transformasi yang pesat dalam memenuhi permintaan masyarakat. Pelbagai instrumen dan produk telah diperkenalkan bagi menjamin kestabilan ekonomi umat Islam di Malaysia. Di antaranya produk *Qard al-Hasan* yang dilihat sangat penting dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Malaysia. Produk *Qard al-Hasan* yang menekankan aspek kebajikan ini dilihat penting untuk difahami dan diteliti isu-isu pelaksanaannya di Malaysia agar kelangsungan amalannya tidak menjejaskan mana-mana pihak sama ada pihak yang menawarkan produk mahupun pihak yang menggunakan khidmat produk tersebut. Pelan dan produk *Qard al-Hasan* wajar diketengahkan dan diperluaskan lagi pelaksanaannya sebagai salah satu asas dalam menggerakkan sistem ekonomi Islam yang bebas daripada elemen riba kerana ianya merupakan salah satu cara bagi badan korporat menyumbang kembali kepada masyarakat. *Qard al-Hasan* dilihat dapat memainkan peranan yang penting dalam memenuhi keperluan sosial masyarakat. Oleh itu institusi kewangan Islam sebagai sebuah organisasi yang beroperasi berdasarkan prinsip-prinsip Islam seharusnya menerajui penawaran produk berasaskan *Qard al-Hasan* ini kerana selain dari zakat dan lain-lain instrumen filantropi Islam, *Qard al-Hasan* juga adalah sebahagian daripada servis tanggungjawab sosial korporat (Adnan, 2011).

KERANGKA TEORI DAN SOROTAN KAJIAN LEPAS

Tanggungjawab Sosial Korporat

CSR mempunyai banyak maksud yang berbeza bergantung kepada bagaimana seseorang itu mentafsirkannya. Blair (Kolasa, 1972) mendefinisikan konsep CSR ini melalui makna tanggungjawab. Perkataan tanggungjawab boleh ditakrifkan sebagai keadaan bertanggungjawab, bertanggungjawab terhadap sesuatu, ataupun kebertanggungjawaban. Ia juga boleh didefinisikan sebagai etika di mana status bagi personaliti dianggap sebagai mampu untuk bertindak balas terhadap tanggungan yang telah ditetapkan oleh undang-undang moral ataupun oleh prinsip-prinsip etika (Kolasa, 1972). CSR juga boleh difahami sebagai satu rangka kerja bagi peranan sesebuah institusi korporat dan meletakkan satu

standard perlakuan di mana sesebuah syarikat mesti mengambil kira untuk memberi kesan yang positif dan produktif kepada masyarakat (Dusuki, 2006). Secara mudahnya dapat disimpulkan sesuatu keputusan dan pilihan yang dilakukan oleh institusi korporat seharusnya memberikan kesan yang positif dan produktif ke atas kebajikan dan kesejahteraan masyarakat.

CSR ini telah menjadi isu debat sejak berkurun lamanya, iaitu bermula sebelum zaman pasaran terbuka oleh Manville (1705) yang dibincangkan dalam buku '*The Fable of The Bees*' dan juga Adam Smith (1776) dalam bukunya "*Wealth of Nations*" sehinggalah ke abad 20 ini (Mohammed, 2007). Kebanyakan sarjana barat bersetuju bahawa Howard Bowen merupakan orang pertama yang cuba menulis mengenai hubungan antara syarikat dan masyarakat melalui bukunya yang bertajuk "*Social Responsibility of The Business*" (Lee, 2008). Beliau mengatakan bahawa, industri mempunyai obligasi "*to pursue those policies, to make those decisions, or to follow those lines of actions which are desirable in terms of the objectives and values of society*". Di sini dapat difahami bahawa, sesebuah syarikat boleh menjalankan operasi perniagaan mereka mengikut kehendak sendiri, namun harus juga memberi perhatian kepada objektif dan nilai-nilai yang akan diterima oleh masyarakat.

Berbanding dengan konsep CSR dari perspektif konvensional, konsep CSR menurut perspektif Islam lebih menjurus kepada pendekatan kerohanian. Pandangan bersifat rohaninya adalah berteraskan daripada ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Dan idea mengenai tanggungjawab sosial ini terkandung dalam ikatan kerohanian (*religious bond*). Ikatan ini memerlukan setiap individu untuk berserah kepada ketetapan syariah dengan melaksanakan setiap tanggungjawab yang telah ditetapkan dan menjalani kehidupan di muka bumi ini dengan berasaskan kebaikan dan kemurnian akhlak sebagaimana dituntut oleh syariah. Ikatan kerohanian ini menggambarkan komitmen terhadap standard moral dan juga norma-norma sosial dengan berasaskan kepada syariah (Dusuki, 2008). Ini kerana, dalam Islam matlamat yang ingin dicapai bukan tertumpu kepada keperluan material sahaja, tetapi ianya merangkumi konsep kesejahteraan hidup manusia yang menekankan konsep persaudaraan dan keadilan sosioekonomi, di mana ia memerlukan keseimbangan antara kedua-dua aspek samada keperluan material ataupun spiritual bagi setiap insan (Rice, 1999).

Terdapat lima elemen utama yang mendasari tanggungjawab sosial korporat menurut perspektif Islam ini iaitu takwa, tauhid, ukhuwah, al-'adl dan al-fardh (Man, 2011). Elemen takwa menjadi penggerak kepada individu untuk mencapai objektif-objektif syariah melalui jalan yang telah ditetapkan oleh syariah itu sendiri. Ketakwaan kepada Allah SWT akan mewujudkan nilai-nilai moral di dalam diri individu dalam membentuk kehidupan sosialnya sendiri. Individu yang bertakwa akan memastikan hubungannya dengan Allah SWT, Tuhan pencipta alam, sentiasa terpelihara di samping hubungannya sesama manusia dan juga makhluk Allah SWT yang lain seluruhnya. Hubungan manusia dengan manusia seharusnya dihiasi dengan nilai-nilai yang wujud dalam Islam seperti kepercayaan, amanah, keadilan, saling menghormati, kebaikan dan tolak ansur. Hubungan ini menjadi pendorong kepada sektor korporat melaksanakan tanggungjawab mereka. Individu yang memelihara hubungannya dengan Allah SWT secara tidak langsung akan menjaga hubungan-hubungannya yang lain. Situasi ini akan mengelakkan berlakunya perselisihan kepentingan di kalangan ahli masyarakat kerana setiap individu dalam masyarakat mempunyai satu matlamat yang utama iaitu menghambakan diri kepada Allah SWT (Man, 2011). Individu akan bekerjasama dari bersaing sesama sendiri untuk mencapai matlamat *al-falah* sebagai puncak kejayaan dalam hidup.

Selain itu, elemen tauhid menunjukkan peranan manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi. Manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini bertanggungjawab untuk memikul amanah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT bagi memastikan kepentingan ummah sentiasa terpelihara. Dalam Islam, prestasi perniagaan diukur berdasarkan bagaimana sumber alam yang terhad digunakan dengan sebaiknya untuk memajukan masyarakat (Muhamad, 2007). Sumber alam tersebut perlu digunakan dengan sebaik-



baiknya kerana ianya merupakan amanah dari Allah SWT untuk generasi akan datang. Sekiranya sumber alam tersebut dibazirkan dengan sewenang-wenangnya, kesannya akan dapat dilihat pada generasi akan datang. Oleh itu, sumber yang ada perlu diuruskan dengan sebaiknya oleh organisasi perniagaan bagi menjamin kemandirian masyarakat akan datang.

Konsep CSR dalam Islam juga bercambah dari konsep persaudaraan dan keadilan sosial kerana Islam merupakan satu program hidup yang selaras dengan peraturan alam yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Ianya juga telah menetapkan secara jelas hubungan antara sesama manusia yang berpandukan kepada konsep persaudaraan dan kesaksamaan. Keadilan dan persaudaraan dalam Islam menekankan bahawa ahli masyarakat harus mengambil berat mengenai keperluan asas orang-orang fakir dan miskin (Rice, 1999). Konsep keadilan sosial ini memastikan setiap individu dalam masyarakat mendapat hak masing-masing.

Konsep keadilan sosial ini memastikan setiap individu dalam masyarakat mendapat hak masing-masing. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam ayat di atas, harta-harta yang ada di dalam masyarakat hendaklah diagihkan kepada setiap individu supaya harta tersebut tidak hanya berlegar untuk satu golongan sahaja. Konsep keadilan sosial ini diperkukuhkan lagi dengan konsep ukhawah iaitu persaudaraan sesama Muslim. Konsep ini menjadikan setiap Muslim bertanggungjawab antara satu sama lain. Komitmen Islam terhadap keadilan sosial dan persaudaraan menuntut masyarakat Islam untuk mengambil perhatian terhadap keperluan asas orang-orang miskin dan yang memerlukan (Man, 2011).

Qard al-Hasan

Di Malaysia prinsip ni dikenali sebagai al-Qardul hasan, di Iran pula sebagai Qard al-Hasanah dan di Pakistan di kenali sebagai Qarz-e-Hasna (Alwi, 2006). Menurut Farid Scoon, Qard al-Hasan juga di sebut sebagai *beautiful loan*, yang secara terminologinya dipetik dari enam tempat yang berbeza dalam al-Quran. Surah-surah tersebut adalah surah al-Baqarah: ayat 245, surah al-Maidah: ayat 12, surah al-Hadid: ayat 11 dan 18, Surah al-Taghabun: ayat 17 dan surah al-Muzammil: ayat 20.

Secara umumnya, Qard al-Hasan merupakan manifestasi keprihatinan seseorang untuk melakukan kebajikan dengan membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan khususnya dalam aspek kewangan. Oleh itu, peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja tanpa dikenakan faedah. Konsep kebaikan dalam kontrak ini juga menjurus kepada sifat toleransi dan prihatin peminjam yang boleh memberikan sagu hati berbentuk wang kepada pemiutang sewaktu melunaskan hutangnya sebagai tanda penghargaan kepada pemiutang kerana memberikan bantuan dalam keadaan terdesak (Sulaiman, 2015). Pinjaman atau 'Qard' dalam Islam adalah merupakan satu kontrak yang diasaskan atas dasar bantu membantu, sukarela (*tabarru'*) dan belas kasihan kepada individu yang memerlukan. Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

"Pada malam aku diisra'kan (mi'raj) aku melihat tulisan di pintu syurga, pahala sedekah ialah sepuluh kali ganda dan pahala memberi hutang ialah 18 kali ganda. Aku bertanya Jibril kenapa memberi hutang lebih banyak pahalanya daripada sedekah? Jibril menjawab kerana orang yang meminta sedekah dalam keadaan meminta sedang dia mempunyai harta, sedangkan orang yang meminta pinjaman tidak akan meminta pinjaman kecuali kerana sesuatu keperluan"

(Al-Suyuti,halaman:91).

Berdasarkan asas tersebut, kontrak pinjaman ini tidak boleh dijadikan sebagai alat untuk perniagaan atau meraih keuntungan di dalam Islam. Bagi memastikan objektif kebajikan dan bantuan dalam Qard tercapai, Islam meletakkan syarat bahawa bagi setiap pinjaman wang (contoh: RM 5000) mestilah dipulangkan dengan jumlah yang sama tanpa sebarang tambahan dan manfaat lain yang dipaksakan atau dipersetujui. Sekiranya terdapat sebarang tambahan (contoh 3 % dari jumlah RM 5000 sebagai bunga atau manfaat lain),

seluruh ulama bersepakat bahawa ianya termasuk dalam kategori Riba al-Nasiah yang diharamkan (Rahman, 2006)

Jika dilihat dari segi sejarah awal Islam, Qard al-Hasan disyariatkan oleh Allah SWT lebih dahulu daripada zakat. Zakat disyariatkan pada tahun kedua selepas hijrah Rasulullah SAW ke Madinah. Manakala Qard al-Hasan disyariatkan sebaik sahaja ketibaan Rasulullah SAW ke Madinah (Scoon, 2000). Ini menunjukkan Allah SWT mensyariatkan Qard al-Hasan untuk berperanan sebagai satu cara dalam membantu orang-orang Islam di Madinah yang kebanyakan hidup dalam kemiskinan. Oleh kerana itulah Allah SWT memberi penghargaan dan ganjaran yang besar kepada pemberi Qard al-Hasan melebihi ganjaran yang diberikan kepada orang yang bersedekah (Alwi, 2006).

Namun begitu, institusi kewangan Islam kurang menumpukan perhatian terhadap pembangunan produk berasaskan Qard al-Hasan. Antara faktor yang menyebabkan produk berasaskan Qard al-Hasan kurang ditawarkan oleh perbankan Islam ialah risiko pembiayaannya yang tinggi tanpa sebarang jaminan pembayaran balik (M. A. Adnan, 2006). Pada kebiasaannya pinjaman Qard al-Hasan ini diminta oleh individu yang memerlukan wang dan sudah menjadi perkara yang lazim para peminjam akan menanggukkan pembayaran balik pinjaman mereka. Dalam keadaan ini, institusi perbankan Islam akan mengalami kesukaran dalam mendapatkan semula dana pembiayaan mereka sekaligus meningkatkan kadar tunggakan pinjaman (*Non-Performing Loan*). Peningkatan NPL ini akan mempengaruhi prestasi dan kestabilan sesebuah institusi kewangan. NPL yang melebihi 8.5% kadar toleransi sebagai mana yang ditetapkan oleh Bank Negara akan memberi kesan terhadap survival sesebuah bank tersebut (www.treasury.gov.my/index.php). Kadar NPL ini mencerminkan tahap kestabilan sesebuah bank. Peratusan yang tinggi menunjukkan bahawa bank mengalami kesukaran mendapatkan semula jumlah pinjaman yang telah diberikan. Ianya akan mengurangkan kadar keuntungan dan menjadi penyebab kepada penutupan sesebuah bank. Bagi mengelakkan dari perkara ini terjadi, langkah yang diambil ialah tidak menawarkan produk Qard al-Hasan. Antara faktor lain yang mendorong kepada kekurangan penawaran produk Qard al-Hasan ialah *moral hazard* di kalangan peminjam itu sendiri. Masalah *moral hazard* di kalangan peminjam mengurangkan keyakinan bank Islam untuk memberi pinjaman kepada mereka kerana dikhuatiri akan meningkatkan kadar NPL tersebut. Selain itu terdapat juga persepsi masyarakat yang mengatakan bahawa pinjaman Qard al-Hasan tidak wajib dibayar kerana ianya bersifat bantuan kebajikan sedangkan pada hakikatnya menurut konsep asas Qard al-Hasan, sebarang pinjaman kewangan adalah wajib dibayar supaya objektif asalnya – memenuhi keperluan kewangan individu – dapat terlaksana. Sekiranya masyarakat masih beranggapan bahawa pinjaman ini tidak perlu dibayar, maka keupayaan perbankan Islam untuk membantu individu yang memerlukan akan terhalang.

Antara isu lain yang berkaitan dengan Qard al-Hasan ialah isu pengenaan bayaran tambahan oleh bank (Abidin, 2011). Sebagaimana yang diketahui, Qard al-Hasan merujuk kepada pinjaman tanpa faedah. Ini bermakna tiada sebarang tambahan dikenakan ke atas peminjam ketika membuat pembayaran balik hutangnya. Namun begitu pelaksanaan Qard al-Hasan pada masa kini telah menyimpang dari tujuan asalnya kerana ianya telah dijadikan sebagai salah satu produk perbankan yang bertujuan untuk mendatangkan keuntungan bagi pihak bank. Pihak bank telah mengenakan caj pengurusan atau caj perkhidmatan bagi menghalalkan pengambilan untung tersebut. Amalan ini dilihat telah bertentangan dengan prinsip syariah berkaitan Qard al-Hasan. Namun begitu, menurut AAOIFI (Abidin, 2011) bank dibenarkan mengenakan caj perkhidmatan atau caj pengurusan tersebut ke atas perbelanjaan yang berkait dengan Qard al-Hasan selagi mana ianya tidak melebihi kos perbelanjaan asal Qard al-Hasan itu. Sebarang tambahan yang melebihi nilai sebenar kos pengurusan tersebut adalah dilarang. AAOIFI juga bersetuju supaya pengiraan terhadap pengenaan kos tambahan ini mestilah tepat, bersesuaian dan jitu. Kos-kos tidak langsung seperti gaji pekerja, sewa ruang, kaedah pengangkutan dan lain-lain kos yang tidak berkaitan secara langsung dengan Qard al-Hasan tidak boleh dimasukkan dalam kos

pengurusan tersebut sebagaimana yang terkandung dalam Standard no. 19 berkaitan Qard (Abidin, 2011).

Alam Melayu

Pembangunan masyarakat di Alam Melayu dapat dilihat dengan jelas selepas kedatangan Islam. Pengaruh ajaran Islam cukup besar dalam membangunkan masyarakat di Alam Melayu bukan sahaja dalam konteks kepercayaan tetapi juga dalam konteks politik, sosial dan ekonomi. Pembangunan membawa erti yang luas meliputi segala usaha membangun, memajukan dan mengembangkan diri, masyarakat dan alam sekitar. Dalam bahasa arab moden istilah *taghayyur* yang bererti perubahan juga digunakan bagi menyampaikan maksud pembangunan. Selain itu ia juga difahami sebagai pengislaman yang membawa maksud kebaikan (Daud, 2005).

Dalam konteks Alam Melayu pengislaman Parameswara yang mengasaskan kerajaan Melaka sekitar akhir kurun ke-14 telah menjadi pendorong utama kepada pembangunan masyarakat. Agama Islam dilihat telah membawa perubahan yang transformatif, dari mengamalkan kepercayaan tradisi yang animistik kepada kepercayaan tauhidik kepada Tuhan yang Esa walaupun tidak dinafikan masih wujudnya kecenderungan khurafat dan bidaah, dunia puaka, penunggu, polong, pelesit, permasalahan moral dan sebagainya. Jadi perlu difahami bahawa Islam yang sampai ke tanah Melayu tidaklah bersifat idealistik namun ianya sentiasa berkembang dan membangun dari semasa ke semasa dalam tempoh yang panjang (Bakar, 2007).

Ketibaan Islam juga telah membawa bersama-samanya unsur akhlak yang diterapkan dalam ajaran tasawuf bagi menggantikan ajaran mistik Hindu-Buddha. Pengaruh tasawuf di Asia Tenggara mula berkembang pada abad ke-15 dengan ketibaan kitab *al-Durr al-Manzum* karangan Maulana Abu Ishaq al-Shiraz. Kitab ini membahaskan masalah akidah yang diolah begitu rupa mengikut pendekatan ilmu tasawuf. (Yahaya, 2013). Jelas bahawa kedatangan Islam bukan sahaja telah mengubah kepercayaan dalam beragama tetapi turut membangunkan masyarakat melalui pembangunan jiwa.

Dalam konteks membangunkan politik di Alam Melayu, kedatangan agama Islam telah berjaya mengubah sistem politik Melayu tradisional, iaitu sistem "Dewaraja" kepada sistem "taat setia kepada raja" mengikut kepimpinan politik Islam. Kalau dahulunya golongan raja disucikan dan didewakan tetapi pada zaman Islam raja dianggap sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi. Raja-raja Melayu telah menggunakan gelaran baharu seperti "Khalifah", "Amir al-Mukminin", "Malik" dan "Sultan" sesuai dengan gelaran yang pernah disandang oleh pemimpin kerajaan Islam di Asia Barat sebelumnya. Konsep kepimpinan ulama dan kerjasama antara raja dan ulama (ulama-umara) turut diamalkan pada zaman Islam (Yahaya, 2013).

Selain itu sistem perundangan berteraskan Islam juga dapat dibangunkan. Mengenai perundangan telah lahir pelbagai undang-undang Islam, bermula dengan undang-undang Islam yang tertera pada Batu Bersurat Terengganu (1303) hinggalah kelahiran *Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Brunei, Kanun Mahkota Alam (Kanun Aceh), Hukum Kanun Pahang, Undang-undang Riau, Undang-undang Kedah*, dan lain-lain. Pengaruh undang-undang Islam telah mengatasi pengaruh undang-undang Hindu-Buddha yang diamalkan sebelumnya (Yahaya, 2013)

Dari segi pembangunan pendidikan di Alam Melayu, ianya bermula dengan pendidikan di peringkat istana, surau dan masjid. Pendidikan Islam yang diwujudkan pada waktu tersebut ialah kelas mengaji al-Quran. Ia merupakan pelajaran utama kepada semua lapisan masyarakat ketika itu walaupun tidak dilakukan secara formal. Para ulama dilihat memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan pada ketika itu (Nor, 2011).Kedatangan Islam telah membawa suatu perubahan yang sangat besar. Seawal kedatangannya para pendakwah sama ada dari luar mahupun dari rantau ini telah menekankan aspek intelektual sama ada dari segi ilmu, bahasa dan kebudayaan. Menerusi bahasa Melayu ilmu agama telah berkembang dengan pesatnya. Pembangunan pendidikan itu bukan hanya terhad dalam bidang keagamaan tetapi juga dalam bidang sejarah,

farmakologi, astronomi, astrologi, bahasa, sastera, undang-undang, ubat-ubatan, pertukangan, dan lain-lain. Pusat intelektual Melayu Islam di Alam Melayu tertumpu di beberapa kawasan seperti Melaka, Aceh, Brunei dan Jawa. Di kawasan ini telah lahir para ulama, institusi pendidikan dan karya agung seperti kitab Sirat *al-Mustaqim* oleh Nur al-Din al-Raniri, *Sabil al-Muhtadin* oleh Muhammad Arsyad al-Banjari, *Kifayah al-Mubtad* oleh Daud al-Fatani, *Hukum Kanun Brunei*, *Sejarah Melayu*, *Tuhfat al-Nafis*, dan sebagainya (Yahaya, 2013).

Pembangunan ekonomi di Alam Melayu dapat dilihat apabila Kerajaan Melaka mencapai zaman kegemilangannya pada pertengahan kurun ke-15 dengan menjadi pelabuhan perdagangan berbentuk entrepot antara dunia timur dan barat. Wilayah-wilayah di persisiran semenanjung, timur Sumatera dan Selat Melaka telah bergiat aktif dalam pembangunan ekonomi (Hashim Musa, 2004). Empayar Melaka merupakan tempat pertemuan para pedagang dari seluruh pelusok dunia sehingga digelar sebagai *The Venice of The East*. Pelabuhannya begitu sibuk dengan ribuan kapal berulang-alik melalui selat Melaka (Baharuddin, 2010). Hal ini telah menjadikan Melaka sebagai sebuah Kota Kosmopolitan. Daripada perbincangan di atas jelas dapat dinyatakan bahawa ajaran Islam menjadi pendorong utama kepada pembangunan di Alam Melayu. Pembangunan politik, ekonomi dan sosial yang dicapai adalah hasil dari ajaran Islam yang diterapkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Justeru dalam konteks moden kini ajaran Islam perlu dikekalkan sebagai asas utama dalam agenda pembangunan masyarakat.

CSR SEBAGAI INSTRUMEN PEMBANGUNAN MASYARAKAT ISLAM

Mengurangkan Kadar Kemiskinan dan Mewujudkan Keadilan Sosial

Pelaksanaan CSR oleh syarikat korporat dapat mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara. Pelbagai bantuan yang diberikan oleh syarikat korporat dalam bentuk bantuan kewangan secara tidak langsung dapat membantu golongan miskin meningkatkan taraf hidup mereka. Sebagai contoh, bantuan pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak miskin mampu untuk membantu mengubah kehidupan keluarga tersebut. Melalui pendidikan, putaran ganas kemiskinan (*vicious cycle of poverty*) dapat dihapuskan sekaligus dapat mengurangkan kadar kemiskinan. Selain itu, bantuan kewangan berbentuk modal untuk memulakan perniagaan juga dapat membantu golongan miskin meningkatkan taraf hidup mereka agar tidak terbelenggu dengan kemiskinan selama-lamanya.

CSR juga mempunyai pelbagai fungsi yang mampu mengubah kehidupan masyarakat, serta dapat memberi sumbangan dalam mewujudkan masyarakat yang lebih adil dan saksama. Ianya juga bertindak sebagai satu mekanisme dalam merapatkan jurang sosial dan mengurangkan ketidaksamaan. Dengan menjadikan CSR sebagai satu amalan, ianya membolehkan golongan kaya berinteraksi dengan golongan miskin. Selain itu, CSR juga dapat mengelakkan golongan berpendapatan rendah menjadi terasing dari arus perdana sosial, dan secara tidak langsung dapat mengukuhkan susunan sosial secara keseluruhannya. CSR juga mempunyai peranannya yang tersendiri, dalam menyediakan khidmat sosial seperti aspek pendidikan, penjagaan kesihatan, penyediaan pusat-pusat penyelidikan dan penciptaan seni di samping dapat menggalakkan kehidupan yang aktif mengikut garis panduan Islam (Norajila Che Man, 2015).

Perkembangan Pendidikan

CSR juga mampu membangunkan negara melalui program pendidikan yang dijalankan. Program pembangunan pendidikan yang dijalankan dapat melahirkan masyarakat yang celik ilmu pengetahuan. Masyarakat yang berilmu sememangnya merupakan aset penting negara dan bangsa dalam menjadikan sesebuah bangsa tersebut bangsa yang bertamadun. Melalui CSR pelbagai bentuk bantuan yang diberikan oleh syarikat korporat dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat yang memerlukan. Sebagai

contoh bantuan pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak miskin mampu membantu mengubah kehidupan sesebuah keluarga. Selain itu, melalui program-program motivasi yang dijalankan dengan kerjasama dari pihak korporat dapat meningkatkan moral dan etika masyarakat, di samping dapat mewujudkan masyarakat yang lebih bermotivasi (Norajila binti Che Man, 2010). Sebagai contoh, peranan institusi wakaf dalam menyediakan kemudahan pendidikan dapat dilihat dalam pelbagai projek. Antaranya Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah memperkenalkan Dana Wakaf Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUMWF) pada Mac 1999. Dana yang diperolehi digunakan untuk membiayai kos sara hidup bagi pelajar yang kurang bernasib baik dan juga tujuan pelaburan. Selain UIAM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan dana wakaf dan sumbangan program yang bertujuan untuk menggerakkan sumbangan amal dan menajana pendapatan universiti.

Pembangunan Sains dan Teknologi

Pelaksanaan CSR juga turut menyumbang dalam membangunkan bidang sains dan teknologi. Ini boleh dilihat melalui program-program dan sumbangan dana dalam meningkatkan bidang ini. Sebagai contoh, pemberian komputer riba kepada para pelajar sekolah, kolej atau universiti mampu untuk meningkatkan kadar celik IT dan ICT di kalangan masyarakat. Masyarakat akan lebih terdedah kepada dua bidang ini yang dilihat semakin berkembang pesat dan mempunyai faedah serta kepentingan tersendiri dalam membangunkan negara, sekaligus dapat melahirkan inovasi-inovasi baru yang dapat digunakan untuk faedah bersama. Sumbangan CSR dalam kedua bidang ini mampu untuk meningkatkan martabat bangsa dan negara ke tahap yang lebih tinggi. Masyarakat yang maju dalam bidang sains dan teknologi sememangnya mampu untuk menakluki dunia melalui ciptaan yang canggih dan melangkaui batas peradaban manusia. Buktinya dapat dilihat daripada masyarakat di negara barat seperti Amerika dan juga masyarakat dari negara Jepun. Dua negara dari blok barat dan timur yang disanjung tinggi oleh masyarakat dunia disebabkan oleh kejayaan mereka dalam bidang sains dan teknologi ini. Kesimpulannya, masyarakat yang mampu menguasai bidang ini akan mampu untuk meneroka masa hadapan yang lebih baik. Oleh itu, pelaksanaan CSR dapat memberikan kesan yang baik dalam membangunkan bidang sains dan teknologi di dalam negara.

Medium Penyebaran Dakwah

Dakwah semestinya dapat difahami sebagai suatu aktiviti yang melibatkan proses transformasi dan perubahan. Walau bagaimanapun ianya tidak akan berlaku, kecuali dengan adanya kesedaran daripada masyarakat untuk berubah (H.Fahrurrozi, 2015). Keunggulan sistem Islam dalam aspek kerjasama dan tolong-menolong umpamanya tanpa mengira kaum, bangsa, budaya, warna kulit dan agama diketengahkan melalui pelaksanaan CSR. Program-program amal yang dianjurkan oleh organisasi tertentu, mampu menarik perhatian ramai orang bukan Islam dan juga orang Islam untuk lebih memahami isi kandungan ajaran Islam. Ini kerana penyebaran dakwah bukan sahaja tertumpu kepada penjelasan kepada aqidah semata-mata tetapi melibatkan aspek yang lebih luas seperti ibadah, muamalat dan juga akhlak. Islam dan gerakan dakwah tidak boleh berkembang dengan berkesan tanpa pembabitkan organisasi Islam dalam kegiatan sosial kerana masyarakat Islam sentiasa memerlukan pembaharuan dan perkembangan dalam menghadapi cabaran masa kini. Antara contoh usaha dakwah yang dilakukan oleh agensi korporat ialah menaja program-program dakwah, membuat bengkel-bengkel ibadah di sekolah-sekolah KAFA terpilih, membuat program untuk rumah anak-anak yatim, Seminar dan Kem Remaja Soleh, Bengkel Pengurusan Jenazah, Seminar-seminar dan sebagainya (Al-Kahfi Services, 2013). Selain itu, terdapat juga program motivasi yang dianjurkan oleh syarikat korporat seperti HALUAN Sabah dan Maahad Bayu Tahfiz Syahadah sebagai

usaha memantapkan umat Islam di Sabah (Zulkefli, 2014). Institusi perbankan Islam juga turut memainkan peranan dalam mengembangkan dakwah Islamiah kepada masyarakat. Contohnya seperti inisiatif “Celik Muamalat” yang dilakukan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dengan kerjasama CIMB Islamic dalam memberi kesedaran kepada masyarakat cara bermuamalat menurut syarak. CIMB Islamic juga turut melaksanakan program-program pemantapan Al-Quran seperti Pertandingan Musabaqah Al-Quran Antara Universiti, Program Bertalaqqi dan sebagainya (CIMB Islamic, 2013). Usaha-usaha yang dilakukan oleh agensi korporat ini secara tidak langsung membantu mengembangkan syiar Islam di seluruh negara.

QARD AL-HASAN SEBAGAI PRODUK CSR

Institusi perbankan Islam di Malaysia semakin aktif menyediakan produk-produk kewangan yang berdaya saing dan produktif untuk keperluan individu dan masyarakat. Oleh itu penyediaan produk-produk perbankan yang boleh menjamin kebajikan masyarakat amatlah diperlukan. Antaranya ialah dengan menawarkan atau menyediakan produk perbankan yang dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat. Melalui pelaksanaan CSR, institusi perbankan Islam juga memainkan peranan menyediakan produk pembiayaan yang boleh membantu golongan miskin dan memerlukan berusaha memajukan diri dan keluarga mereka. Sebagai contoh, menyediakan produk pembiayaan untuk memulakan perniagaan dan sebagainya. Namun, rata-rata mereka takut untuk memohon pembiayaan dengan alasan takut permohonan ditolak serta takut untuk menanggung risiko ketidakmampuan membayar balik pembiayaan tersebut. Jadi, bagaimana golongan ini mampu untuk mengubah nasib mereka jika tidak diberikan peluang yang sewajarnya. Oleh itu, penawaran produk pembiayaan yang boleh membantu menjaga kebajikan golongan yang memerlukan ini amat diperlukan.

Terdapat dua bentuk tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan oleh institusi perbankan Islam iaitu *mandatory* CSR (wajib) dan *recommended* CSR (galakan). *Mandatory* CSR bagi perbankan Islam ialah menggalakkan masalah dan mengelakkan mafsadah, melabur dalam aktiviti yang dibenarkan sahaja, keadilan kepada para pekerja serta membayar zakat. Manakala *recommended* CSR pula merujuk kepada segala aktiviti yang menjangkau keperluan mandatori dan dilakukan semata-mata atas dasar sukarela. Contohnya seperti penawaran produk berasaskan prinsip Qard al-Hasan (Farook, 2007).

Penawaran produk Qard al-Hasan berupaya mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara. Ini kerana, di kebanyakan negara (Widiyanto, 2011) terutamanya Malaysia terdapat banyak perusahaan-perusahaan mikro dan kecil yang secara signifikannya menyumbang kepada pengurangan kadar kemiskinan. Perusahaan bersaiz mikro ini pada kebiasaannya diusahakan oleh individu yang berusaha keluar dari kepompong kemiskinan. Perusahaan mikro dan kecil ini boleh beroperasi menggunakan dana modal yang kecil namun realitinya pengusaha-pengusaha ini mengalami kesukaran mendapatkan dana pembiayaan dari institusi kewangan disebabkan oleh saiz perusahaan mereka tersebut. Kebanyakan institusi kewangan lebih berkeyakinan terhadap syarikat-syarikat yang memiliki portfolio dan pelan kewangan yang stabil dan mantap. Oleh sebab itu, peluang bagi pengusaha mikro dan kecil memperoleh bantuan modal adalah kecil.

Sebagaimana yang telah diketahui, penawaran produk pembiayaan oleh bank-bank Islam di Malaysia ini kebanyakannya mengguna pakai prinsip *al-mudarabah*, dan *al-musyarakah* serta *al-musyarakah mutanaqissah*. Manakala untuk pembiayaan peribadi, prinsip yang sering digunakan ialah *bay' al-'inah*, dan *tawarruq*. Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, penawaran produk berasaskan Qard al-Hasan oleh perbankan Islam merupakan sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat. Ini kerana, konsep hutang dalam Islam lebih bersifat amal kebajikan dan bukannya untuk mengaut keuntungan dari orang yang memerlukan. Namun, bagi institusi perbankan yang menjalankan operasinya

melalui perniagaan dilihat belum bersedia untuk menawarkan produk berasaskan Qard al-Hasan, kerana penawaran produk ini mendatangkan risiko yang tinggi berbanding pulangan yang akan diperoleh, walaupun penawaran produk ini mampu membantu golongan yang memerlukan tersebut (Man, 2011).

Antara kaedah yang boleh dilaksanakan oleh institusi perbankan Islam dalam menggalakkan penggunaan Qard al-Hasan sebagai produk CSR ialah dengan menyediakan satu akaun khas yang beroperasi berasaskan prinsip Qard al-Hasan kepada individu yang memerlukan. Institusi perbankan Islam sebagai pengantara antara unit *surplus* dan unit defisit berupaya untuk menyalurkan dana daripada pendeposit (unit lebihan) kepada pelanggan yang memerlukan (unit defisit). Melalui akaun khas Qard al-Hasan ini, pendeposit atau individu yang kaya boleh memberikan sumbangan mereka kepada individu yang memerlukan. Konsep akaun khas Qard al-Hasan ini adalah sama seperti prinsip *tabarru'* dalam operasi takaful. Prinsip *tabarru'* dalam takaful memerlukan peserta membuat pembayaran wang penyertaan sebagai sumbangan samada secara keseluruhan atau separuh bagi membentuk dana takaful yang diambil daripadanya bayaran pampasan apabila berlaku kecelakaan ke atas peserta tersebut. Sebarang lebihan yang berbaki selepas pembayaran pampasan, perbelanjaan akan dibahagikan kepada peserta (pemegang polisi) (Noor, 2014). Konsep yang sama boleh diterapkan dalam akaun khas Qard al-Hasan ini di mana pendeposit atau mana-mana *stakeholders* boleh menyumbang di dalam akaun tersebut. Dana dari akaun tersebut kemudiannya akan disalurkan kepada individu yang memerlukan. Institusi perbankan Islam juga boleh mengadakan kempen khas dalam mempromosikan akaun khas Qard al-Hasan ini kepada masyarakat dalam usaha menambahkan dana akaun tersebut (Farook, 2007). Melalui kaedah ini, perbankan Islam dapat menjalankan fungsinya sebagai penyelesaian masalah dalam masyarakat.

Selain itu, institusi perbankan Islam boleh menyediakan perkhidmatan pembiayaan ekspres berasaskan prinsip Qard al-Hasan. Seiring dengan keperluan dan kehendak masyarakat yang mendesak terhadap keperluan kewangan, institusi perbankan Islam seharusnya lebih agresif dan proaktif dalam menyediakan produk-produk pembiayaan peribadi yang mampu berdaya saing dengan perbankan konvensional. Perbankan konvensional kini dilihat semakin berlumba-lumba menyediakan produk pembiayaan peribadi pantas dan mudah (Sebagai contoh produk pinjaman peribadi Easy-Pinjaman Ekspres oleh RHB dan Pinjaman Peribadi Maybank. Kedua-dua produk ini menawarkan kelulusan segera tanpa memerlukan penjamin atau sebarang cagaran. Bagi produk Easy-Pinjaman Ekspres RHB, faedah akan dikenakan terlebih dahulu ke atas amaun pinjaman yang diluluskan dan bagi keseluruhan tempoh (RHB Bank Berhad, 2015). Manakala produk Pinjaman Peribadi Maybank pula mengenakan kadar faedah antara 6.5%-8.0% mengikut kadar rata (Maybank Malaysia Berhad, 2015). Sebagaimana yang diketahui, perbankan konvensional mengenakan kadar faedah dalam setiap produk perbankan mereka. Kadar faedah atau riba ini merupakan suatu perkara yang amat dilarang dalam muamalat Islam. Oleh itu, menjadi kewajipan kepada perbankan Islam untuk menyediakan produk yang bebas dari unsur riba. Sekiranya Qard al-Hasan boleh dijadikan produk pembiayaan pantas sebagaimana produk perbankan konvensional, maka umat Islam akan mempunyai alternatif dalam usaha memenuhi keperluan kewangan mereka. Secara tidak langsung, perbankan Islam berjaya mencapai matlamat untuk menghapuskan riba dalam transaksi kewangan. Perbankan Islam juga mampu mencapai objektif mewujudkan kesejahteraan ekonomi dalam masyarakat.

Kesimpulannya, penciptaan produk berasaskan Qard al-Hasan yang fleksibel samada kepada institusi perbankan Islam dan juga para pelanggannya amat diperlukan bagi menjamin kemaslahatan kedua-dua belah pihak terjaga.

PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, Qard al-Hasan dilihat memainkan peranan yang penting dalam memenuhi keperluan sosial masyarakat. Oleh itu institusi kewangan Islam sebagai sebuah organisasi yang beroperasi berdasarkan prinsip-prinsip Islam seharusnya menerajui penawaran produk berasaskan Qard al-Hasan ini kerana selain dari zakat dan lain-lain instrumen filantropi Islam, Qard al-Hasan juga adalah sebahagian daripada servis tanggungjawab sosial korporat. Walaupun realitinya agak sukar institusi kewangan untuk melaksanakan prinsip *Qard al-Hasan* kerana terpaksa mengekalkan keuntungan yang baik dalam persaingan dengan institusi-institusi kewangan lain, namun keperluan terhadap produk berasaskan Qard al-Hasan adalah amat mendesak.

Pelan dan produk *Qard al-Hasan* wajar diketengahkan dan diperluaskan lagi pelaksanaannya sebagai salah satu asas dalam menggerakkan sistem ekonomi Islam yang bebas daripada elemen riba kerana ianya merupakan salah satu cara bagi badan korporat menyumbang kembali kepada masyarakat. Pelaksanaannya walau bagaimanapun memerlukan kajian yang lebih teliti dengan mengambil kira pengalaman dan pandangan pihak-pihak yang menjalankan skim berlandaskan *Qard al-Hasan* tersebut pada masa sekarang. Hasrat murni ini sewajarnya di dokong oleh semua agensi yang terlibat secara langsung dalam usaha memartabatkan taraf sosioekonomi umat Islam di negara ini.

RUJUKAN

- Abidin, Z. e. (2011). A Case Study on the Implementation of Qardhul Hasan Concept as a Financing Product in Islamic Banks in Malaysia. *International Journal Of Economics, Management & Accounting, Supplementary Issue 19*, 81-100.
- Adnan, N. M. (2011). Malaysian Islamic Bankers' Perceptions of al-Qard. *Review of Islamic Economics. Vol. 15. No. 2*.
- Al-Kahfi Services. (2013). CSR. Didapatkan dari <http://www.alkahfi.com.my/http://alkahfi.com.my/csr/>
- Alwi, S. F. (2006). *Pembiayaan Hutang Dalam Perbankan Islam Volume 4, Issue 4*. Shah Alam: UPENA.
- CIMB Islamic . (2013). *Corporate Responsibility*. Didapatkan dari CIMB Islamic: <http://www.cimbislamic.com/en/corporate-responsibility.html>
- Dusuki, A. W. (2006). Stakeholder's Expectations Toward Corporate Social Responsibility of Islamic Banks. *International Accounting Conference 3*. Kuala Lumpur: International Islamic University of Malaysia.
- Dusuki, A. W. (2008). What Does Islam Say about Corporate Social Responsibility? *Review of Islamic Economics, Vol. 2, No. 1*, 5-28.
- Farook, S. (2007). On Corporate Social Responsibility of Islamic Financial Institutions. *Islamic Economic Studies*, 31-46.
- H.Fahrurrozi, M. (2015). Dakwah Tranformasi dan Filantropi Islam: Peluang dan Tantangan Dalam Mensejahterakan Masyarakat. Dalam M. A. Fahrurrozi, *Islamic Finance And Philanthropy* (hlm. 97 - 125). Mataram: Sanabil.
- Kolasa, B. J. (1972). *Responsibility in Business*. New Jersey: Prentice Hall.

- Lee, M.-d. P. (2008). Theory of Corporate Social Responsibility: Its Revolutionary and The Road Ahead. *International Journal of Management Review*.
- Man, N. C. (2011). *Tanggungjawab Sosial Korporat: Analisis Perbandingan Di Affin Bank (M) Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mahayudin Hj Yahaya. "Umran dan Aplikasinya di Alam Melayu." *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 6, no. 1 (2013).
- Maybank Malaysia Berhad. (2015, November). *Maybank Personal Loan*. Didapatkan dari Maybank2u.com:
http://www.maybank2u.com.my/mbb_info/m2u/public/personalDetail04.do?channelId=LOA-Loans&cntTypeId=0&cntKey=LOA12.01&programId=LOA12-PersonalLoans&chCatId=/mbb/Personal/LOA-Loans
- Mohammed, J. A. (2007). Corporate Social Responsibility in Islam. Auckland, New Zealand.
- Mohammad Abu Bakar. "Tanah Melayu abad ke-19: Pengislaman, Penjajahan dan Pemupukan Manhaj Melayu." In *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*, by Farid Mat Zain. Selangor: Karisma Publication, 2007.
- Mohd Roslan Mohd Nor. "Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia." *Jurnal at-Ta'dib*, 2011: 66.
- Musa Hashim. "Konsep, Latar Belakang dan Pandangan Semesta Masyarakat Melayu." In *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2004.
- Muhamad, R. (2007). Corporate Social Responsibility: An Islamic Perspectives. *International Conference on Global Research in Business and Economics*. Bangkok Thailand.
- Noor, A. M. (2014, 10 25). *Takaful: Analisa ke Atas Konsep dan Aqad*. Didapatkan dari <http://drazman.net/>: <http://drazman.net/wp-content/uploads/2014/10/Takaful-konsep-25102014.pdf>
- Norajila binti Che Man, J. T. (2010). Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat: Implikasi dan Keberkesanannya Kepada Masyarakat. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke V* (hlm. 210-218). Selangor: UKM.
- Norajila Che Man, N. A. (2015). Pembinaan Tamadun Melalui Filanthropy Islam. Dalam M. A. Fahrurrozi, *Islamic Finance And Philnthropy* (hlm. 41-57). Mataram: Sanabil.
- Rahman, Z. H. (2006). *Kos Pengurusan dalam Implementasi 'Qard Hasan*. Didapatkan dari Metro Ahad:
http://www.zaharuddin.net/index2.php?option=com_content&do_pdf=1&id=149,
- RHB Bank Berhad. (2015, Jun). *Easy-Pinjaman Ekspres*. Didapatkan dari RHB Group:
http://www.rhbgroup.com/uploads/files/products-and-services/personal/easy-by-rhb/Easy-Pinjaman_Ekspres_PDS.pdf
- Rice, G. (1999). Islamic Ethics and The Implication for Business. *Journal of Business Ethics*, 345-358.

- Samsu Adabi Mamat. "Kedudukan Ulama di Tanah Melayu Abad ke-19." In *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*, by Farid Mat Zain. Selangor: Karisma Publication, 2007.
- Shamsul Amri Baharuddin. *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: UPENA, 2010.
- Sri Rahayu Ismail. "Alam Melayu dan Masyarakat Majmuk: Sejarah dan Realiti." In *Baldatun Tayyibah Model Kesultanan Melayu Nusantara*, by Rumaizi Ahmad. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia, 2015.
- Scoon, F. (2000). Qard al-Hasana-Towards Relation. Dalam A. S. et.al, *Anthology of Islamic Banking* (hlm. 351). London: Institute of Islamic Banking and Insurance.
- Sulaiman, S. b. (2015, 2 10). *Konsep Pinjaman Menurut Perspektif Islam*. Didapatkan dari e-muamalat.gov.my/sites/
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Pembangunan di Malaysia Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Universiti Malaya, 2005.
- Widiyanto, M. &. (2011). Effectiveness of Qard al-Hasan Financing As A Poverty Alleviation Model. *Economic Journal Of Emerging Markets*. 3(1) , 27-42.
- Zulkefli, L. (2014, 10 11). *Program Motivasi Dakwah*. Didapatkan dari CSR HALUAN: <http://www.csrhaluan.com/?p=1106>